

11/08/1998

Megat Panji Alam di DBP

Mokhtar Alias

SENI bangsawan tidak boleh dibiarkan hanyut bersendirian sekiranya usaha memelihara warisan sebagai tunjang budaya nasional mahu kekal sepanjang zaman.

Selain itu, menggerakkan pemain bangsawan kalangan muda dan memelihara keyakinan penonton juga perlu dilakukan, termasuk menggerakkan publisiti secara menyuruh.

Menyedari sedikit daripada fungsi yang perlu dilakukan, Warisan Seni Bangsawan Malaysia akan mengadakan majlis makan malam dan persembahan perdana Megat Panji Alam arahan Rahman B di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pada 28 November depan, mulai jam 9 malam.

Manakala, pementasan orang ramai dibuat pada 29 dan 30 November, pada waktu yang sama.

Menurut penerbitnya, Jamaludin Hitam, mereka mahu mencuba sedikit kelainan yang jarang dilakukan pada persembahan bangsawan dengan mengadakan majlis makan malam.

Dia berkata, konsep ini kerap dibuat pada majlis nyanyian, hiburan dan kebelakangan ini, sudah banyak persembahan teater tempatan dibuat secara sedemikian.

"Kita meyakini ramai yang merindui bangsawan yang pernah mencipta zaman kegemilangannya pada awal abad ke-20, iaitu sekitar tahun 1900 sehingga 1945, sebelum diambil alih oleh medium filem Melayu."

"Sokongan ini amat bererti dalam usaha memelihara bangsawan supaya terus kekal sekalipun perubahan berlaku dalam seni kita," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadualkan menyaksikan persembahan ini. Sebelum ini, beliau pernah membuat kunjungan mengejut ketika perkumpulan ini mementaskan bangsawan Megat Terawis di Matic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, tidak lama dulu.

Jamaludin berkata, penyanyi undangan ialah Datuk S M Salim, Aspalela Abdullah dan Rahim Jantan, manakala Rohani B menyampaikan gurindam bangsawan.

"Kita beruntung kerana masih ada lagi tokoh bangsawan yang terus berbakti memeriahkan pementasan seperti Rahman B, Ahmad B, Norsiah Yem, Syed Hamid dan Rohani B."

"Kita juga mahu melatih bakat baru dan amat lega rasanya bila Akademi Seni Kebangsaan turut serius terhadap bangsawan," katanya.

Dia berkata, mereka sangat beruntung kerana Rahman B masih menyimpan sejumlah koleksi pakaian bangsawan yang tidak ternilai harganya.

Bangsawan dibawa ke Tanah Melayu sekitar tahun 1880-an dan lebih dikenali dengan nama Wayang Parsi. Mula bertapak di Pulau Pinang, sebelum ia berkembang ke seluruh negara.

Namun, ramai bintangnya sudah kembali ke alam baqa, termasuk S Kadarisman, Minah Yem, Rohaya Rahman dan Mak Enon.

Bangsawan Megat Panji Alam mendapat kerjasama penuh daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

(END)